

**Peniaga perlu sokong Barisan Nasional  
Utusan Online  
13 April, 2012  
Oleh HELMI MOHD. FOAD**

SHAH ALAM 12 April - Golongan peniaga dan penjaja diseru meningkatkan kerjasama dengan kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi memastikan masa depan mereka lebih terjamin.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ini kerana golongan itu memerlukan kerajaan yang mempunyai dasar yang jelas dalam memastikan ekonomi negara berkembang pesat sekali gus meningkatkan pendapatan golongan tersebut.

Menurutnya, melalui dasar bersifat jangka masa panjang, golongan peniaga akan mendapat faedah apabila kerajaan mampu menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan rakyat sehingga mampu berbelanja.

"Sebuah negara lebih mudah menjadi maju sekiranya ekonominya bergerak pantas dan kita mahu kek ekonomi lebih besar supaya dapat membahagikan kekayaan secara adil dan saksama.

"Inilah yang sedang dilaksanakan kerajaan BN. Sebab itu adalah wajar bagi golongan peniaga menyokong sepenuhnya kerajaan BN. Ini penting, kita tidak ada pilihan," katanya ketika berucap pada majlis bertemu kumpulan strategik persatuan penjaja Selangor di Kompleks Belia dan Kebudayaan Seksyen 7, di sini hari ini.

Kira-kira 2,000 peniaga seluruh Selangor menghadiri perjumpaan itu sempena program 'Nurani Rakyat Bersama Timbalan Perdana Menteri'.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut mengumumkan bantuan berjumlah RM740,000 kepada 74 persatuan penjaja di negeri ini.

Muhyiddin berkata, masa depan yang cerah dan terjamin para peniaga banyak bergantung kepada kerajaan yang mantap dan kukuh yang turut mengamalkan dasar membela semua kaum.

Tambah beliau, BN juga bersifat pro perniagaan yang mana setiap pertimbangan yang diambil melihat kepada bentuk bantuan yang diperlukan usahawan supaya perniagaan mereka dapat dikembangkan.

"Beramal dan beribadah untuk menegakkan perkara yang lebih baik adalah tuntutan yang dikehendaki agama kita. Saya tidaklah mahu keluaran fatwa tetapi sebenarnya menyokong BN adalah lebih berfaedah daripada sokong pihak lain yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin turut melahirkan rasa sedih kerana negeri paling maju seperti Selangor jatuh kepada pembangkang namun mengakui hakikat tersebut kerana rakyat Selangor sudah membuat pilihan.

Namun katanya, ada kesedaran yang tinggi dalam kalangan rakyat Selangor untuk menyerahkan kembali negeri itu kepada BN apabila ramai penduduknya bertanya mengenai tarikh pilihan raya umum akan datang.

"Mereka sudah tidak sabar hendak memangkah BN, Alhamdulillah ini akan saya sampaikan kepada Perdana Menteri. Nampaknya 99 peratus peniaga menyokong kita, lagi cepat pilihan raya lagi cepat dapat kembali kepada BN dan apabila Pusat dan negeri diperintah oleh BN, faedahnya akan melimpah ruah," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0413&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0413&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_01.htm)